

# 10,000 usahawan pekebun kecil

**K**EMENTERIAN Kema-  
juan Luar Bandar dan  
Wilayah menjangkakan  
seramai 10,000 usahawan  
bakal diwujudkan daripa-  
da kalangan pekebun kecil  
di seluruh negara men-  
jelang akhir 2010.

Menterinya, Datuk Seri  
Mohd Shafie Apdal, berkata  
bagi merealisasikan matla-  
mat itu, Risda perlu men-  
gambil beberapa langkah  
utama seperti menyediakan  
latihan mengenai kemahi-  
ran dan kecekapan penge-  
luaran, kaedah pemasaran  
dan perniagaan.

“Latihan itu boleh dija-  
lankan di Institusi Kema-  
juan Pekebun Kecil Risda  
seperti di Pahang, Perak  
dan Kelantan,” katanya ke-

tika berucap pada majlis  
Konvokesyen Kolej Risda di  
Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, bagi me-  
ringankan bebanan peke-  
bun kecil untuk membia-  
yai pengajian anak mereka  
di Kolej Risda, sejumlah  
RM2.1 juta dalam bentuk  
biasiswa disediakan kepa-  
da 172 anak pekebun ke-  
cil, pada tahun lalu.

Kolej Risda adalah sa-  
tu-satunya institusi penga-  
jian tinggi swasta yang me-  
nawarkan pengajian pe-  
ringkat diploma pertanian  
dengan usaha sama Uni-  
versiti Putra Malaysia  
(UPM) dan mempunyai  
1,300 pelajar dalam pelba-  
gai bidang pengajian pada  
masa kini. - Bernama